


PEJABAT DAERAH DAN TANAH
CAMERON HIGHLANDS
39000 TANAH RATA
PAHANG DARUL MAKMUR



MEMO

Telefon: 05-490 1700 / 05-490 1701 Faks: 05-490 1707 Kawat: DISTOFF E-mel: pdtch@pahang.gov.my

Fail Kami : (02)dIm.PDCH/C/2270

Perkara	: Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2015 Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands
Kepada	: Semua Pegawai dan Kakitangan
Daripada	: Penolong Pegawai Tadbir (KP)
Salinan Kepada	: YH. Dato' Pegawai Daerah
Tarikh	: 20 Januari 2015

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan pejabat ini berkaitan dengan langkah-langkah kawalan belanja mengurus tahun 2015.

3. Sehubungan dengan itu, disertakan bersama-sama ini sesalinan Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2015 yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan dipanjangkan kepada semua kakitangan di bawah menyeliaan tuan/puan. Sekiranya ada sebarang kemusykilan tuan/puan bolehlah membuat sebarang pertanyaan/penjelasan di Bahagian Pengurusan pada bila-bila masa sahaja.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(SITI KHATIJAH BINTI KADIMON)

Penolong Pegawai Tadbir(KP)

b.p. Pegawai Daerah Cameron Highlands

(1)

**ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2015
PEJABAT DAERAH DAN TANAH CAMERON HIGHLANDS**

Semua Pegawai dan Kakitangan
Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2015

1. TUJUAN

Arahan Pentadbiran Bil.1/2015 ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan pejabat ini berkaitan dengan langkah-langkah kawalan belanja mengurus tahun 2015.

2. LATAR BELAKANG

Peruntukkan belanja mengurus bagi tahun 2015 mencatatkan kenaikan hanya 4.75% berbanding peruntukkan tahun 2014. Rekod belanja pada tahun 2014 telah menunjukkan peningkatan yang agak ketara yang mana telah mengakibatkan potongan terhadap beberapa aktiviti untuk disesuaikan dengan baki peruntukkan sedia ada. Justeru itu pihak pentadbiran terpaksa melaksanakan langkah-langkah kawalan terhadap belanja mengurus bagi memastikan sumber yang ada dapat digunakan secara optimum dan operasi jabatan berjalan lancar sehingga ke penghujung tahun

3. LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

3.1 Tuntutan Elaun Perbatuan (TNT)

3.1.1 Mulai pada 1 Januari 2015 semua kakitangan jabatan adalah layak untuk membuat tuntutan perbatuan menjalankan tugas rasmi mengikut kelayakan dan peraturan yang berkuatkuasa.

3.1.2 Sekiranya dua (2) atau lebih pegawai menjalankan tugas rasmi di luar stesen dan di tempat yang sama perlulah menggunakan

kemudahan kenderaan jabatan (sekiranya ada) atau menggunakan kenderaan sendiri secara berkongsi.

3.2 Utiliti (Elektrik)

3.1.1 Semua pegawai dan kakitangan perlu sentiasa memastikan bahawa suis lampu, komputer dan alatan elektrik yang lain ditutup sejurus waktu pejabat tamat. Langkah ini dapat memastikan penjimatan terhadap penggunaan elektrik dan juga sebagai langkah keselamatan kebakaran yang disebabkan peralatan elektrik.

3.3 Kemudahan Makan Minum Mesyuarat / Program

Kemudahan makan minum mesyuarat atau program hanya dikhaskan kepada mesyuarat-mesyuarat wajib jabatan atau yang melibatkan jabatan luar sahaja.


4. PENGUATKUASAAN

Arahan ini berkuatkuasa mulai dari 01 Januari 2015

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' A. RAHMAN BIN HAMZAH, DIMP., AAP., AMP., PKC.)

Pegawai Daerah Cameron Highlands

Tarikh :